

Kembara Merdeka

Disediakan oleh: Nurizyani Binti Kafli @Masri
PISMP Sejarah Jun 2015

Mengapa diperlukan?

OBJEKTIF:

1. Menghasilkan Kembara Merdeka untuk mengingati kronologi sejarah dalam pengajaran dan pembelajaran.
2. Menilai keberkesanan Kembara Merdeka melalui ujian lari yang dilakukan terhadap murid.
3. Membantu murid-murid dalam mengingati kronologi yang berlaku dalam Sejarah Kemerdekaan 1957.

MASALAH UTAMA:

- Kesukaran murid dalam menyusun kronologi sejarah iaitu dalam topik Sejarah Kemerdekaan 1957

Apa Yang Ada Dalam Aplikasi Ini?




Kegunaan inovasi?

Kembara Merdeka yang merupakan bahan bantu belajar yang berbentuk interaktif ini dihasilkan dengan gabungan elemen teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) bagi subjek Sejarah yang bertajuk Sejarah Kemerdekaan 1957. Terdapat tiga perkara yang terdapat dalam Kembara Merdeka iaitu Stesen ke arah Kemerdekaan 1957, kedua ialah video dan ketiga ialah kuiz. Inovasi ini akan menjelaskan kandungan Sejarah Kemerdekaan 1957 terlebih dahulu sebelum murid menjawab soalan kuiz. Soalan kuiz ini akan menilai sejauh mana keberkesanaan Kembara Merdeka dalam membantu murid menguasai kronologi sejarah. Manakala video yang disediakan akan membantu guru dalam menyampaikan isi pelajaran dengan lebih mudah. Penggunaan pembelajaran interaktif ini akan membuatkan para pelajar akan bekerjasama dan secara aktif mencari, menemukan, mengolah, membangun dan mendalami ilmu pengetahuan (Harsono,2008).

Cara Menggunakan Kembara Merdeka

- 1) Murid menekan salah satu peristiwa mengikut urutan.
- 2) Murid melihat video selepas selesai satu peristiwa.
- 3) Murid menjawab kuiz yang dinyatakan.






Bilakah inovasi ini sesuai digunakan oleh murid sekolah rendah?

Kembara Merdeka ini dapat membantu guru terutamanya selepas pembelajaran topik Sejarah Kemerdekaan 1957 bagi menguji tahap penguasaan murid terhadap kronologi kemerdekaan. Tambahan pula, Kembara Merdeka juga mempunyai video-video yang menarik dan kuiz sebagai pengukuhan. Hal ini akan menarik minat murid serta dapat membantu murid memahami kronologi sejarah dengan betul.

Kumpulan Sasaran



PERJUANGAN KEMERDEKAAN NEGARA

Sebaran Pertanyaan Boleh Hubungi:

011-14021826